



BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

ULANG KAJI 3: SEKTOR PELANCONGAN

Sektor pelancongan merupakan sektor yang memberikan sumbangan besar kepada ekonomi dan pembangunan negara Malaysia. Sektor ini telah menyumbang sebanyak RM86.14 bilion kepada pendapatan negara pada tahun 2019 dengan ketibaan 26.1 juta pelancong antarabangsa. Antara manfaat sektor pelancongan adalah dapat menjanakan pendapatan negara, dan berupaya mempromosikan budaya Malaysia. Selain itu, dapat membuka peluang pekerjaan dan perniagaan yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan kepada rakyat.

Sumber: Melancong.com

Berdasarkan petikan di atas, sektor pelancongan mendatangkan pelbagai faedah kepada rakyat dan negara.

Bincangkan.

1. Kehendak soalan : Faedah-faedah pelancongan kepada **rakyat dan negara**
2. Bentuk soalan : Pendapat
3. Calon dikehendaki menggunakan idea yang diberikan dalam petikan.
Antaranya:
 - i. Dapat menjanakan pendapatan negara.
 - ii. Berupaya mempromosikan budaya Malaysia
 - iii. Membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat
4. Jika calon mengolah menggunakan idea sendiri – Maksimum **KEPUJIAN**
5. Jika calon menghurai tentang langkah-langkah/kesan-kesan - Maksimum **MEMUASKAN**

Soalan	
Tema / Isu	
Tugasan / Fokus	
Format (SILA PILIH)	TIADA / E-MEL / RENCANA / LAPORAN / SURAT KIRIMAN RASMI / SURAT KIRIMAN TIDAK RASMI / WAWANCARA / SYARAHAN / CERAMAH

Perenggan 1: Pendahuluan	DEFINISI → ISU → DI MANA DIBINCANGKAN → TINDAKAN AWAL → PERSOALAN
--------------------------	---

“Cuti-cuti Malaysia”

Begitulah slogan yang sering kita dengar untuk Tahun Melawat Malaysia yang menggalakkan pelancong domestik mahupun pelancong asing berjalan-jalan di Malaysia. Industri pelancongan merupakan antara sektor utama dalam ekonomi negara Malaysia kerana diyakini mampu menaikkan nama Malaysia secara menyeluruh. Oleh itu, rakyat Malaysia menanggung obligasi untuk menyokong sektor pelancongan Malaysia dengan apa-apa jua cara supaya Malaysia mampu **berdiri sama tinggi, duduk sama rendah** dengan negara gergasi lain seperti Amerika Syarikat. Persoalannya, apakah faedah sektor pelancongan kepada rakyat dan negara? (72 patah perkataan)



BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

Perenggan 2: Isi 1

- Dapat menjanakan pendapatan negara (DALAM PETIKAN)

ISI → HURAIAN → CONTOH →
KESAN → PENEGAS

Isi 1	Dapat menjanakan pendapatan negara
Huraian	Malaysia terkenal dengan gugusan pulau yang menawan, kawasan tanah tinggi yang indah dan pusat peranginan yang menghiburkan.
Contoh	(i) Taman Teh Boh di Tanah Tinggi Cameron – menikmati pemandangan di ladang teh yang mempesonakan sambil menghirup teh yang wangi. (ii) Pulau Redang – melakukan aktiviti air bersama-sama keluarga seperti selam skuba dan luncur jet – mengeratkan ukhuwah sesama ahli keluarga
Kesan	- Menyemarakkan perniagaan domestik seperti penjualan cenderamata, industri perhotelan dan industri makanan - Menggalakkan pertukaran mata wang asing – nilai Ringgit Malaysia akan semakin menaik
Penegas	Pendek kata,

Perenggan 3: Isi 2

- Berupaya mempromosikan budaya Malaysia (DALAM PETIKAN)

ISI → HURAIAN → CONTOH →
KESAN → PENEGAS

Isi 2	Berupaya mempromosikan budaya Malaysia
Huraian	Malaysia merupakan sebuah negara yang amat menjunjung aspek kepelbagaian oleh sebab kewujudan masyarakat majmuk.
Contoh	(i) Berkunjung ke Kampung Budaya Sarawak – mendekati kehidupan masyarakat etnik Bumiputera di Sarawak – mencuba pelbagai permainan tradisional – menyaksikan kehebatan dan keunikan seni bina masyarakat Bumiputera (ii) Berkunjung ke Muzium Warisan Baba Nyonya di Melaka – mengetahui budaya Peranakan di Malaysia – asal usul golongan Baba Nyonya
Kesan	- Masyarakat saling memahami dan saling menghormati dalam kehidupan seharian - Membentuk masyarakat madani yang berfikiran terbuka - Menghargai warisan tinggalan moyang agar tidak pupus ditelan zaman
Penegas	Ghalibnya,



BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

Perenggan 4: Isi 3

- Membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat (DALAM PETIKAN)

ISI → HURAIAN → CONTOH
→ KESAN → PENEGAS

Isi 3	Membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat
Huraian	Apabila sektor pelancongan berkembang pesat, pelbagai industri hiliran turut akan wujud.
Contoh	(i) Membuka pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat seperti pemandu pelancong, penyelia hotel dan pemandu bas pelancong – menggalakkan masyarakat untuk meyumbang tenaga dalam sektor ekonomi (ii) Mewujudkan peluang perniagaan seperti pengusaha industri inap desa, pengusaha kereta sewa dan pengusaha agensi pelancongan – mendorong masyarakat menjadi usahawan
Kesan	- Mengurangkan kadar pengangguran - Meningkatkan taraf hidup masyarakat - Membasmi kemiskinan
Penegas	Tegasnya,

Perenggan 5 : Penutup

RUMUSAN → CADANGAN → AMARAN → HARAPAN

Akhirulkalam, sektor pelancongan sememangnya bermanfaat kepada rakyat dan negara. Untuk memastikan sektor pelancongan Malaysia mampu memberikan sumbangan kepada pelbagai aspek, komitmen segenap strata masyarakat mesti ditagih kerana **tepuk tangan sebelah takkan berbunyi**. Pihak berwajib, terutamanya pihak kerajaan mesti mempercepat pelbagai langkah pembangunan agar prestasi sektor pelancongan dapat melonjak. Sekiranya usaha-usaha tersebut dilakukan **bagai melepaskan batuk di tangga**, daya saing sektor pelancongan Malaysia akan menurun. Semoga sektor pelancongan Malaysia semakin gah di persada dunia! Malaysia Boleh! (69 patah perkataan)



BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

ULANG KAJI 4 : JENAYAH SIBER

Peningkatan jenayah siber kini semakin membimbangkan masyarakat. Jenayah siber merupakan jenayah seperti menggodam komputer, mencuri kata laluan untuk perbankan Internet, penyalahgunaan kad kredit untuk pembelian dalam talian, peras ugut, keganasan siber dan penyamaran sebagai pihak berkuasa.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan di atas, anda dikehendaki menghasilkan **rencana** yang bertajuk 'Peranan Masyarakat Mengelakkan Penipuan Jenayah Siber'.

Tulis rencana tersebut selengkapanya.

1. Kehendak soalan : Peranan masyarakat mengelakkan penipuan dalam siber.

2. Bentuk soalan : Rencana

3. Calon dikehendaki menggunakan idea sendiri.

4. Cadangan jawapan :

Antaranya:

- Jangan kongsi maklumat peribadi
- Sentiasa waspada dengan serangan penggodam
- Melaporkan kepada pihak berkuasa
- Menularkan kes penipuan siber di media sosial

6. Jika calon menghasilkan karangan biasa dan bukannya rencana – Maksimum **KEPUJIAN**

7. Jika calon menghurai tentang jenayah siber secara umum - Maksimum **MEMUASKAN**

Soalan	
Tema / Isu	
Tugasan / Fokus	
Format (SILA PILIH)	TIADA / E-MEL / RENCANA / LAPORAN / SURAT KIRIMAN RASMI / SURAT KIRIMAN TIDAK RASMI / WAWANCARA / SYARAHAN / CERAMAH

Perenggan 1: Pendahuluan	DEFINISI → ISU → DI MANA DIBINCANGKAN → TINDAKAN AWAL → PERSOALAN
--------------------------	---

Peranan Masyarakat Mengelakkan Penipuan Jenayah Siber

Oleh : Voon Tze Ming

Penipuan jenayah siber atau 'scam' merupakan gejala yang semakin bermaharajalela di Malaysia, **bak peribahasa bagi cendawan tumbuh selepas hujan**. Pelbagai kes penipuan seperti 'love scam' dan pintasan e-mel sering dilaporkan sehingga meresahkan masyarakat. Gejala ini kerap dikaitkan dengan sikap tidak rasional masyarakat kita sehingga mereka menjadi mangsanya. **Oleh itu**, pelbagai



BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

tindakan konkrit wajib dilakukan masyarakat kita agar masalah ini tidak lagi menjadi **duri dalam daging** kepada kita. Persoalannya, apakah peranan masyarakat untuk mengelakkan penipuan jenayah siber? (66 patah perkataan)

Perenggan 2: Isi 1	ISI → HURAIAN → CONTOH → KESAN → PENEKAS
Jangan berkongsi maklumat peribadi (DALAM PETIKAN)	

Isi 1	Jangan berkongsi maklumat peribadi
Huraian	Maklumat peribadi merupakan maklumat yang sulit dan boleh diselewengkan dengan mudahnya.
Contoh	(i) Menyemak kesahihan sesuatu perkara sebelum berkongsi maklumat peribadi – menyemak rekod penipuan di Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) (ii) Tidak memuatnaikkan gambar kad pengenalan dalam mana-mana media sosial seperti 'WhatsApp' dan 'Facebook'
Kesan	- Mengelakkan maklumat digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab secara haram - Mengelakkan diri daripada mufliis atau terlibat dalam apa-apa kegiatan jenayah
Penegas	Pendek kata,.....

Perenggan 3: Isi 2	ISI → HURAIAN → CONTOH → KESAN → PENEKAS
Sentiasa waspada dengan serangan penggodam (DALAM PETIKAN)	

Isi 2	Sentiasa waspada dengan serangan penggodam
Huraian	Penggodam boleh wujud di mana-mana sahaja pada bila-bila masa.
Contoh	(i) Memuat turun dan memasang aplikasi perisian antivirus dalam komputer (ii) Menggunakan aplikasi 'Truecaller' untuk mengesan nombor yang mempunyai rekod hitam – terus menyekat panggilan tersebut (iii) Sekiranya menerima panggilan yang disyaki – mendapatkan maklum balas daripada ahli keluarga terdekat atau sahabat yang boleh dipercayai
Kesan	- Melanjutkan masa si penipu dan memberikan ruang kepada kita untuk berfikir masak-masak - Membantu untuk meningkatkan kesedaran terhadap pelbagai cara penipuan
Penegas	Tegasnya,.....



BAHAN KELAS BM CIKGU VOONTM SMK PUJUT MIRI

Perenggan 4: Isi 3

- Melaporkan kepada pihak berkuasa (DALAM PETIKAN)

ISI → HURAIAN → CONTOH
→ KESAN → PENEGAS

Isi 3	Melaporkan kes kepada pihak berkuasa
Huraian	Laporan kepada pihak berkuasa seperti Pusat Respons Scam Kebangsaan mampu mengurangkan kerugian yang dialami.
Contoh	(i) Sekiranya dimaklumkan terdapat transaksi yang tidak disedari – melaporkan insiden kepada pusat perkhidmatan bank berkenaan dan membuat laporan polis – memulakan siasatan rasmi (ii) Sekiranya kita kerap menerima panggilan nombor yang berunsurkan penipuan – melaporkan perkara kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) – membantu untuk membuat siasatan forensik dan menyekat nombor telefon tersebut
Kesan	• Mengelakkan diri dan orang ramai daripada menjadi mangsa • Menjamin kesejahteraan institusi sosial
Penegas	Izharnya,.....

Perenggan 5 : Penutup

RUMUSAN → CADANGAN → AMARAN → HARAPAN

Khulasahnya, masyarakat merupakan individu terpenting untuk membanteras kes penipuan jenayah siber. **Dalam pada itu**, kita sebagai warganegara Malaysia mesti **berganding bahu bagi aur dengan tebing** supaya kes penipuan siber ini menemui noktahnya. Sekiranya kes ini tidak dipandang serius, kesejahteraan masyarakat pasti akan tergugat sehingga timbulnya pelbagai kesan negatif yang tidak diinginkan. Semoga Malaysia sifar kes penipuan jenayah siber. (52 patah perkataan)